

TEKS UCAPAN PTL SEMPENA HARI TLDM KE-82 PADA 27 APR 16

مِحْرَانَ مَحْرَانَ اللَّهُمَّ سَبِّ

Timbalan Panglima Tentera Laut, Panglima Armada, Panglima Bantuan; Panglima-Panglima, Laksamana-Laksamana, mantan-mantan Panglima Tentera Laut, veteran-veteran TLDM, pegawai-pegawai kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan, serta warga TLDM yang saya kasihi sekalian,

هَا كَرْبَوَالَّهُمَّ حَرُومَ كَيْلَاعِمَ لَاسْلَا

dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu, marilah kita sedekahkan Al-Fatihah bagi yang beragama Islam dan tafakur bagi yang bukan beragama Islam kepada mereka yang telah pergi meninggalkan kita terlebih dahulu, Al-Fatihah.....

2. Alhamdulillah kita dapat berkumpul pada pagi ini dan menyaksikan perbarisan yang berjalan lancar dan sempurna, syabas saya ucapkan

kepada pegawai perbarisan dan seluruh kontinjen yang terlibat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-82 kepada seluruh warga TLDM.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Saya merasa amat bersyukur dan penuh terharu dengan kehadiran mantan-mantan Panglima Tentera Laut yang buat pertama kalinya dalam sejarah, tujuh mantan Panglima Tentera Laut hadir di dalam sambutan Hari TLDM. Oleh itu, sebagai tanda hormat dan penghargaan, marilah sama-sama kita beri tepukan gemuruh untuk ketujuh-tujuh mantan Panglima Tentera Laut yang hadir di dalam dewan ini.

The Navy People yang saya kasihi sekalian,

4. Sebagaimana yang saya telah nyatakan di dalam perutusan ulung pada 19 November tahun lalu, saya telah gariskan 3 keutamaan untuk memacu TLDM ke arah mencapai visi menjadi 'Tentera Laut Bertaraf Dunia'. Di antara keutamaan teras saya adalah untuk meningkatkan kesiagaan TLDM ke tahap yang tertinggi dengan mentransformasikan keupayaan armada TLDM semasa.

5. Sebagai perisai pertahanan maritim, TLDM sudah semestinya perlu memiliki *warfighting capabilities* atau keupayaan tempur yang kredibel dan disegani. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu perkara yang mudah untuk dicapai, kerana sebahagian besar daripada kapal permukaan TLDM kini secara purata telah berusia lebih 30 tahun dan sedang menghadapi keusangan. Ini merupakan satu cabaran yang perlu diberi perhatian yang serius. Tambahan pula, kos pengoperasian bagi kapal-kapal yang telah berusia ini semakin lama semakin tinggi didorong oleh isu keusangan dan kebergantungan kepada Pembekal Peralatan Asal (OEM) luar negara.

6. Justeru, TLDM merancang untuk melaksanakan transformasi jangka panjang armada TLDM merangkumi penggantian aset-aset lama dengan aset baharu yang mempunyai kemampuan yang menyeluruh, berteknologi moden dan berkeupayaan melaksanakan tugas dan peranan untuk menjaga kedaulatan perairan negara. Pelupusan aset-aset lama akan menjimatkan kos operasi kapal-kapal TLDM. Graf berikut menunjukkan trend kos operasi kapal-kapal yang ada sekarang berbanding penjimatan yang diperolehi selepas pelupusan. Oleh itu, *we can no longer continue to do business as usual.*

7. TLDM dimandatkan untuk melaksanakan pengawasan berterusan di 12 kawasan operasi dan rondaan maritim bagi menjamin kedaulatan dan melindungi kepentingan maritim negara. Kawasan-kawasan operasi dan rondaan ini meliputi hampir keseluruhan perairan semenanjung dan Malaysia Timur serta tempat-tempat kepentingan maritim Malaysia seperti yang dipaparkan... Oleh yang demikian, aset-aset berkeupayaan melakukan misi (mission capable) adalah amat penting bagi meneruskan kelangsungan operasi-operasi ini.

8. Malaysia sebagai sebuah negara maritim memerlukan keupayaan tempur Tentera Laut yang kredibel bagi mendepani ancaman-ancaman keselamatan maritim yang timbul. Fakta-fakta yang tertera di paparan menunjukkan keluasan perairan maritim negara, sempadan maritim negara serta pelbagai aktiviti ekonomi yang dijalankan di kawasan perairan negara yang turut menjadi sasaran ancaman keselamatan terutamanya perlakuan jenayah rentas sempadan. Mengambil kira situasi geo-strategik ini, TLDM sedang mengambil pendekatan yang drastik bagi melakukan sesuatu di luar kebiasaan supaya jurang keupayaan TLDM tidak ketinggalan disebabkan usia dan keusangan armada TLDM.

9. Langkah pragmatik dan realistik adalah melalui Program Transformasi 15to5 Armada TLDM. Langkah ini merupakan inisiatif baharu dan berani TLDM ke arah pengurusan keupayaan yang lebih mampan. Ia sejajar dengan Hala Tuju Kementerian Pertahanan yang pertama iaitu 'Meningkatkan Kesiapsiagaan dan Modenisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM)'. Transformasi ini menyaksikan pelan penyusunan semula armada yang kini terdiri daripada 15 kelas kapal kepada hanya 5 kelas kapal yang lebih kos efektif untuk diurus dan diselenggarakan. Program ini menggunakan pendekatan berinovatif bagi mengekalkan keupayaan dengan mentransformasikan pengurusan aset sedia ada yang terdiri daripada 15 jenis pelbagai kelas kepada 5 jenis. Lima jenis kelas yang dihasratkan oleh TLDM bagi armada masa hadapan ialah *Littoral Combatant Ship* (LCS), *New Generation Patrol Vessel* (NGPV), *Littoral Mission Ship* (LMS), *Multi Role Support Ship* (MRSS) dan Kapal Selam.

10. Kewujudan 15 kelas kapal TLDM yang ada sekarang telah dihasilkan daripada 7 negara berlainan iaitu di United Kingdom, Jerman, Itali, Perancis, Sweden, Korea Selatan dan di Malaysia sendiri. Transformasi ini bakal menyaksikan 5 jenis kelas kapal yang ditumpukan pembinaan dan sokongannya di dalam negara seberapa

banyak yang mungkin. Oleh itu, transformasi ini akan menyumbang kepada pembangunan Industri Pertahanan Negara yang lebih mampan dan mengurangkan kebergantungan terhadap negara luar serta memungkinkan pengurusan logistik yang lebih cekap dan efisien. Peluang pembangunan serta penyelidikan bagi meningkatkan industri pembinaan kapal dapat terus digiatkan dengan kolaborasi bersama syarikat bertaraf antarabangsa.

11. Bagi memperolehi peruntukan untuk merealisasikan transformasi 15to5, kaedah inovatif akan digunakan oleh TLDM, di antaranya ialah mengoptimumkan bajet OE; efisiensi proses perolehan; mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar untuk melaksanakan pembaikan kapal dengan meningkatkan keupayaan depot-depot serta bengkel-bengkel TLDM; dan pelupusan aset-aset usang secara berperingkat bagi menjimatkan kos operasi serta selenggaraan TLDM. Kaedah-kaedah inovatif ini dilaksanakan bagi memperolehi peruntukan dan membolehkan perolehan aset baru direalisasikan dan demi menyahut seruan kerajaan untuk mengambil langkah berjimat cermat dalam menghadapi keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan dan peruntukan bajet yang terhad.

12. Sejajar dengan transformasi armada ini, TLDM sedang mengkaji transformasi struktur organisasi bagi mewujudkan Wilayah Pemerintahan Barat dan Wilayah Pemerintahan Timur. Wilayah Pemerintahan Barat akan berpusat di Pangkalan TLDM Lumut manakala Wilayah Pemerintahan Timur akan berpusat di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Pendekatan dua wilayah pemerintahan TLDM akan melibatkan pembahagian Kawasan Tanggung Jawab (KTJ) operasi maritim di antara wilayah yang lebih seimbang. Ia akan memantapkan perintah dan kawalan sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan operasi di Laut China Selatan dan perairan Sabah Timur. Pemerintahan wilayah ini turut menyokong Hala Tuju Kementerian Pertahanan yang kedua iaitu 'Memantapkan Keselamatan Negara' ekoran peningkatan ancaman dan senario geo-strategik.

13. Sehubungan itu, saya mahukan seluruh warga TLDM mengambil bahagian dalam proses transformasi TLDM ini. Bagi membantu TLDM menjayakan transformasi ini, saya perlukan sokongan daripada seluruh warga TLDM. Saya berpandangan bahawa anda adalah merupakan penggerak transformasi TLDM dan tanpa komitmen serta kerjasama anda, program-program transformasi yang diilhamkan di peringkat strategik tidak akan direalisasikan. Dalam hal ini, saya ingin menyeru warga TLDM agar tidak melaksanakan tugas dengan cara yang sama

dan lama lagi, sebaliknya melihat kepada ruang untuk mengubah setiap cabaran kepada peluang untuk penambahbaikan sekaligus meningkatkan kesiapsiagaan TLDM dan kesejahteraan warga.

14. Saya juga ingin menasihatkan warga TLDM agar sentiasa mempertingkatkan diri dengan kemahiran-kemahiran dalam bidang masing-masing menerusi latihan dan amali. Latihan dan amali penting untuk menjadikan warga TLDM terlatih. Peningkatan kemahiran juga akan menjadikan warga TLDM sebagai anggota berkemahiran tinggi dan seterusnya boleh menjadi *Subject Matter Expert* atau pakar dalam bidangnya. Saya percaya sekiranya ia berjaya dicapai, transformasi-transformasi TLDM yang dihasratkan akan dapat direalisasikan seterusnya memacu TLDM ke arah 'Tentera laut Bertaraf Dunia'.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

15. TLDM telah memperkenalkan inisiatif baharu iaitu 'Green Navy'. 'Green Navy' adalah inisiatif yang bermatlamat untuk menghijaukan semua Pangkalan TLDM dengan mengutamakan pemuliharaan alam sekitar, pengurangan pembebasan gas rumah hijau dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui. Inisiatif ini akan dimulakan dengan pengurangan sisa buangan yang dihasilkan atau *reduce*, penggunaan

bahan-bahan yang boleh diguna semula atau *re-use*, dan mengitar semula buangan yang terhasil atau *recycle*. Saya berharap inisiatif 'Green Navy' akan ia diimplementasi secara bersepadau, sistematik dan seragam oleh seluruh formasi dan unit TLDM.

16. TLDM juga sedang dalam rangka perancangan untuk membina sebuah Muzium TLDM di Lumut. Pada dasarnya, Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan lokasi pembinaan muzium tersebut dan peruntukan untuk pembinaannya. Pembinaan Muzium TLDM kelak akan mendatangkan banyak manfaat di antara ialah mengekalkan warisan, koleksi dan khazanah TLDM, mendokumentasikan kajian penyelidikan koleksi artifak, pusat penyebaran ilmu pengetahuan dan sebagai destinasi atau tarikan pelancongan.

17. Peningkatan taraf kesejahteraan atau 'wellness' warga TLDM ke tahap yang tertinggi akan diberi penekanan. Dalam hal ini, saya suka mengingatkan warga TLDM agar sentiasa menanam azam dalam diri untuk menitikberatkan dan mengutamakan kesihatan supaya sentiasa 'fit' dari segi mental dan fizikal. Jadikan bersukan sebagai gaya hidup setiap hari. Aspek penyediaan makanan di mes-mes kapal dan wisma juga perlu diberi perhatian dan dipantau agar sentiasa mengekalkan kebersihan serta mementingkan penyediaan makanan serta masakan

menggunakan bahan-bahan yang berkhasiat. TLDM juga akan menentukan kediaman dan fasiliti pangkalan berada dalam keadaan yang selesa dan baik bagi memastikan kualiti hidup warga TLDM sentiasa berada di tahap yang tinggi dan meningkatkan motivasi serta moral masing-masing.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan-mantan Panglima tentera Laut serta veteran-veteran TLDM yang masih kami anggap sebagai warga TLDM atas segala jasa dan pengorbanan selama ini. Kami mendoakan agar semuanya sentiasa sihat dan mendapat kesejahteraan. Saya juga memohon veteran-veteran agar mendoakan semoga TLDM terus kekal cemerlang dalam segenap aspek untuk tahun-tahun mendatang. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pegawai-pegawai kehormat TLDM yang sentiasa memberikan sokongan dan bantuan dalam meningkatkan imej TLDM serta kerana berbangga menjadi sebahagian daripada warga TLDM. Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga TLDM atas khidmat cemerlang dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada TLDM.

19. Sekian, saya sudahi ucapan dengan

وَبِاللّٰهِ التٰوْفِيقُ وَالْحَدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلٰيْكُمْ وَرَحْمَةُ وَبَرَكَاتُهُ

'Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-82'

'Sedia Berkorban'